

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN FONG KUI LUN  
(BUKIT BINTANG)**

**SOALAN:**

**Minta MENTERI PERTAHANAN menyatakan kekuatan pertahanan pantai dan dataran Sabah dengan penempatan anggota-anggota tentera kita dalam mempertahankan ancaman musuh dan penyeludupan manusia dari pulau-pulau selatan Filipina sekiranya tentera menggempur secara ketenteraan di pulau-pulau tersebut.**

## **JAWAPAN:**

**Kementerian Pertahanan sentiasa memandang serius terhadap keselamatan dan pertahanan pantai serta kawasan daratan Sabah daripada berlakunya sebarang bentuk ancaman mahupun penyeludupan manusia, khususnya dari pulau-pulau di Selatan Filipina. Angkatan Tentera Malaysia (ATM) telah pun meningkatkan penempatan dan kehadiran trup serta aset tambahan di Pantai Timur Sabah semenjak 26 Disember 2014 yang melibatkan ketiga-tiga cabang perkhidmatan, iaitu Tentera Darat Malaysia (TD), Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) dan juga Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM). Beberapa siri operasi juga sedang dilaksanakan oleh setiap Perkhidmatan di kawasan tanggungjawab (KTJ) secara berterusan (24 jam) bagi memastikan tahap keselamatan terpelihara sepanjang masa.**

**Kekuatan keseluruhan trup serta aset ATM bagi penugasan yang ditetapkan merangkumi beberapa buah batalion infantri, kenderaan perisai, helikopter, kapal-kapal TLDM dan juga jet-jet pejuang TUDM. Di samping itu, formasi-formasi TD, TLDM, TUDM dan juga Angkatan Bersama terlibat sepenuhnya di dalam tugas gerakan di KTJ pantai dan daratan Sabah.**